

# Garis Panduan Teknikal

## PELAKSANAAN PENILAIAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

### PERANAN STAF AKADEMIK (PENGAJAR)

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



**Disediakan oleh :**

System Development & Engineering Centre (SDEC)  
dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO)  
dengan kerjasama Penyelaras E-Pembelajaran  
Fakulti/Pusat Akademik USIM

**Tarikh :** 15 Julai 2020

Staf akademik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) boleh memilih untuk melaksanakan sama ada penilaian berterusan atau membuat peperiksaan pertengahan atau akhir semester bagi kursus yang dijalankan. Penyelarasan di peringkat fakulti hendaklah dibuat sebelum gerak kerja pelaksanaan peperiksaan dimulakan oleh Bahagian Pengurusan Akademik USIM.




Garis Panduan Teknikal ini hendaklah dibaca bersama dengan Panduan Ringkas E-Pembelajaran dan Pengajaran (Panduan untuk Tenaga Pengajar) yang dikeluarkan oleh Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX) bertarikh 14 April 2020.

## 01

### Penilaian Berterusan (Continuous Assessment)

KAEDAH






Staf akademik juga boleh menggunakan sebarang kaedah pentaksiran lain yang bersesuaian dan memenuhi objektif kursus. Pelaksanaannya hendaklah tidak membebankan pelajar dan memungkinkan keciran penglibatan berlaku.



Kesemua aktiviti ini boleh dilaksanakan dengan atau tanpa menggunakan platform GOALS USIM. Namun demikian, penggunaan aktiviti di dalam GOALS adalah mudah dirujuk dan boleh direkodkan bagi keperluan pelaporan dan kegunaan seterusnya.

»» Senarai Aktiviti  ««



Penilaian/pentaksiran melalui kaedah ini adalah melibatkan kesetaraan dan piawaian prestasi pelajar serta mengambil kira faktor pengaplikasian ilmu oleh para pelajar sepanjang tempoh pengajian dijalankan.



Pelaksanaan kaedah ini hendaklah menggunakan platform rasmi e-Pembelajaran USIM iaitu **GOALS**. Staf akademik yang terlibat perlu membuat persediaan awal dan memahami panduan pelaksanaan pentaksiran secara dalam talian dengan teliti.

## TATACARA PELAKSANAAN MENGGUNAKAN FUNGSI ‘QUIZ’




### PEMAKLUMAN KAEDAH PENTAKSIRAN

1

Penyelaras e-Pembelajaran perlu mendapatkan makluman pelaksanaan penilaian di kalangan staf akademik bagi fakulti / pusat pengajian. Maklumat ini kemudiannya diberikan kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) untuk tidak selanjutnya.

Penjadualan penilaian akan memudahkan pengurusan di pihak teknikal bagi memastikan pelaksanaan dapat dijalankan dengan teratur dan lancar dengan mengambil kira beberapa faktor utama seperti bilangan pelajar, saluran penilaian, penetapan masa dan lain-lain.

2



### PENYEDIAAN TATACARA PENILAIAN

1

Peraturan - Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia adalah menjadi teras dalam penyediaan tatacara penilaian secara dalam talian selain dari garis panduan yang digunakan dan dirujuk oleh universiti.

Penetapan jangka masa dan keperluan peperiksaan turut menjadi keutamaan bagi memastikan pelaksanaan penilaian melalui kaedah ini dapat disetarakan dengan kaedah konvensional seperti bilangan soalan, jenis dan pemarkahan.

2



Pilihan pelaksanaan peperiksaan buka buku dalam talian (Online Open Book Examination) adalah dibenarkan berdasarkan kesesuaian dan bentuk penilaian yang menepati objektif kursus.

Tatacara penilaian ini hendaklah berdasarkan kajian tahap keupayaan dan kebersediaan pelajar dengan mengambil kira faktor lokasi, capaian dan peranti yang digunakan untuk melaksanakan sesi penilaian.

4



## PENYEDIAAN SET SOALAN PEPERIKSAAN

1.

Setiap kursus perlu menyediakan sekurang-kurangnya DUA(2) set soalan bagi keperluan peperiksaan yang dijadualkan dan peperiksaan ulangan (*2nd attempt*).



2.

Set soalan ini boleh dibangunkan dengan fungsi tersedia di dalam platform GOALS dan boleh dimuatnaik secara pukal (*bulk uploading*) bagi soalan yang sedia ada.



3.

GOALS menawarkan pelbagai variasi soalan yang boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian dan kreativiti staf akademik.

Berikut adalah jenis-jenis soalan yang boleh dibangunkan:



- o Multiple Choice question
- o True/False question
- o Matching question
- o Short answer question
- o Numerical question
- o Essay
- o Calculated

- o Calculated multichoice questions
- o Simple calculated questions
- o Drag and drop into text question
- o Drag and drop markers question
- o Drag and drop onto image question
- o Embedded Answers (Cloze) question
- o Select missing words question



## PEMAKLUMAN PANDUAN PELAJAR

1.

Staf akademik perlu memperuntukkan sesi bagi memberi penerangan berkenaan kaedah pelaksanaan penilaian secara dalam talian secara khusus dengan menggunakan rujukan seperti pautan garis panduan, manual penggunaan atau sebagainya yang bersesuaian.



Pelajar perlu benar-benar memahami konteks serta tatacara pelaksanaan agar mampu membuat persediaan yang wajar sebelum mereka menduduki penilaian tersebut.



## PERSEDIAAN TEKNIKAL

1.

Kolaborasi bersama staf teknikal adalah penting dan perlu dilaksanakan bagi memastikan sebarang penetapan (*settings*) yang dibuat adalah bertepatan dan bersesuaian dengan kaedah penyampaian dan bentuk soalan yang digunakan.





2.

Penyusunan set soalan mengikut kursus dengan teratur, mudah dan jelas adalah menjadi keutamaan dalam menyediakan saluran khusus peperiksaan yang rasmi.



4.

Penetapan jadual waktu turut diberikan penekanan khusus bagi memastikan tahap kebersediaan pelaksanaan dan mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku.





## SIMULASI PEPERIKSAAN (MOCK EXAM)

1



Sesi percubaan dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar dan staf akademik berkenaan situasi sebenar dan untuk mengenalpasti sebarang risiko yang berpotensi.

Kawalan risiko dengan gerak kerja penambahbaikan perlu dijalankan terutama yang melibatkan faktor capaian dan kegagalan fungsi tertentu di dalam sistem.

2



3



Garis masa pelaksanaan diteliti dan maklumbalas pelajar dikumpul seterusnya dianalisis bagi mendapatkan rumusan dan penanda aras yang boleh dirujuk bagi tindakan selanjutnya.



## PELAKSANAAN PEPERIKSAAN (ONLINE EXAM)

Sewaktu peperiksaan dijalankan, staf akademik terlibat perlu 'hadir' bersama dan memastikan pelaksanaan berjalan dengan baik dan teratur.

Berikut adalah antara tindakan yang wajar dilakukan:




Memberi notifikasi awal dan iringan (*reminder*) kepada pelajar.



Memastikan jumlah calon dan mengesahkan kehadiran.



Memantau keseluruhan pelaksanaan peperiksaan.



## PELAN TINDAKAN ALTERNATIF / INSIDEN



Sekiranya terdapat sebarang permasalahan sewaktu peperiksaan sedang dijalankan, staf akademik perlu bertindak secara pro-aktif mengikut kategori berikut:



### TINDAKAN SEGERA

(*Immediate Action*)

#### INSIDEN 1

Pelajar tidak dapat akses ke saluran peperiksaan



**Langkah  
01**

Buat semakan pada senarai calon yang dibenarkan menduduki peperiksaan.

**Langkah  
02**

Masukkan nama pelajar dan berikan pautan terus ke halaman peperiksaan.

#### INSIDEN 2

Pelajar terkeluar / terputus talian / paparan pegun



**Langkah  
01**

Menasihati pelajar untuk log-keluar dan 'refresh' peranti sebelum menyambung semula sesi.

**Langkah  
02**

Memaklumkan insiden kepada staf teknikal untuk tindakan pengawalan dan pemantauan sistem.



### BANTUAN TEKNIKAL

(*Technical Support*)

#### INSIDEN 3

Pelajar gagal meneruskan sesi (sistem tergendala)



**Langkah  
01**

Dapatkan butiran lanjut insiden dari pelajar; lokasi, peranti, capaian, masa.  
<https://tinyurl.com/LOG-ADUAN>

**Langkah  
02**

Makluman insiden kepada staf teknikal bagi tujuan pengesahan.

**Langkah  
03**

Merekod laporan insiden bagi keperluan rujukan dan pengesahan di peringkat jabatan/fakulti.

**Langkah  
04**

Menjadualkan satu sesi ulangan (*re-attempt*) dan pemakluman kepada pelajar selepas pengesahan di peringkat fakulti.